



28 Februari 2018
28 February 2018
P.U. (A) 64

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH SYARIKAT
(MEKANISME PENYELAMAT KORPORAT) 2018

*COMPANIES
(CORPORATE RESCUE MECHANISM) RULES 2018*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA SYARIKAT 2016

KAEDAH-KAEDAH SYARIKAT (MEKANISME PENYELAMAT KORPORAT) 2018

SUSUNAN KAEDAH-KAEDAH

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Kaedah

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Pemakaian Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012

BAHAGIAN II

PERKIRAAN SUKARELA

3. Pemfailan cadangan bagi perkiraan sukarela
4. Laporan keputusan mesyuarat pemiutang dan mesyuarat anggota
5. Penarikan balik persetujuan penama
6. Penggantian penama
7. Penamatan moratorium dalam perkiraan sukarela

BAHAGIAN III

PENGURUSAN KEHAKIMAN

8. Permohonan bagi perintah pengurusan kehakiman
9. Tarikh pendengaran permohonan bagi perintah pengurusan kehakiman
10. Penyampaian permohonan bagi perintah pengurusan kehakiman
11. Pengiklanan notis permohonan bagi perintah pengurusan kehakiman
12. Salinan permohonan dan afidavit sokongan hendaklah diberikan kepada pemiutang atau anggota

13. Notis tentang niat untuk hadir
14. Senarai orang yang berniat untuk hadir
15. Afidavit yang menentang permohonan dan afidavit jawapan
16. Penggantian mana-mana orang sebagai pemohon
17. Perintah pengurusan kehakiman
18. Bukti hutang
19. Penyata akaun
20. Tuntutan bagi upah dan gaji pekerja syarikat di bawah pengurusan kehakiman
21. Ringkasan pernyataan hal ehwal syarikat
22. Notis mesyuarat pemiutang yang pertama
23. Panggilan mesyuarat pemiutang
24. Bukti notis mesyuarat pemiutang
25. Ketidakterimaan notis oleh pemiutang
26. Tempat mesyuarat pemiutang
27. Pengerusi mesyuarat pemiutang
28. Kuorum
29. Pemiutang layak untuk mengundi dalam mesyuarat pemiutang
30. Pemiutang tidak layak mengundi dalam kes tertentu
31. Undi pemiutang bercagar dalam mesyuarat pemiutang
32. Penerimaan dan penolakan bukti hutang bagi maksud pengundian dalam mesyuarat pemiutang
33. Minit mesyuarat pemiutang
34. Pemfailan keputusan mesyuarat pemiutang
35. Kos memanggil mesyuarat pemiutang oleh orang lain
36. Jawatankuasa pemiutang

37. Permohonan untuk melanjutkan perintah pengurusan kehakiman

BAHAGIAN IV

AM

38. Fi Mahkamah
39. Perkara untuk didengar dalam mahkamah terbuka dan dalam kamar
40. Notis permohonan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

AKTA SYARIKAT 2016

KAEDAH-KAEDAH SYARIKAT (MEKANISME PENYELAMAT KORPORAT) 2018

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 616 Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*], Jawatankuasa Kaedah-Kaedah membuat kaedah-kaedah yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Syarikat (Mekanisme Penyelamat Korporat) 2018**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 1 Mac 2018.

Pemakaian Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012

2. Jika tiada tatacara khusus diperuntukkan dalam Kaedah-Kaedah ini berkenaan dengan suatu perkiraan sukarela atau pengurusan kehakiman, tatacara yang diperuntukkan dalam Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 [*P.U. (A) 205/2012*] hendaklah terpakai.

BAHAGIAN II

PERKIRAAN SUKARELA

Pemfailan cadangan bagi perkiraan sukarela

3. Pengarah syarikat, pengurus kehakiman atau penyelesai yang membuat suatu cadangan bagi perkiraan sukarela di bawah seksyen 396 Akta hendaklah—

(a) memfailkan cadangan bagi perkiraan sukarela itu dalam Borang 1 Jadual Pertama bersama dengan dokumen yang dinyatakan dalam subseksyen 398(1) Akta kepada Mahkamah; dan

- (b) memberitahu Pendaftar tentang cadangan bagi perkiraan sukarela itu pada tarikh pemfailan Borang 1 di bawah perenggan (a) mengikut apa-apa cara yang ditentukan oleh Pendaftar.

Laporan keputusan mesyuarat pemiutang dan mesyuarat anggota

4. Penama yang dilantik di bawah subseksyen 397(1) Akta hendaklah—

- (a) memfailkan suatu laporan keputusan mesyuarat pemiutang atau mesyuarat anggota di bawah subseksyen 400(7) Akta kepada Mahkamah dalam Borang 2 Jadual Pertama dalam masa tujuh hari dari tarikh mesyuarat itu; dan
- (b) memberitahu Pendaftar tentang keputusan mesyuarat pemiutang atau mesyuarat anggota pada tarikh pemfailan Borang 2 di bawah perenggan (a) mengikut apa-apa cara yang ditentukan oleh Pendaftar.

Penarikan balik persetujuan penama

5. (1) Jika seseorang penama yang dilantik di bawah subseksyen 397(1) Akta menarik balik persetujuannya untuk bertindak sebagai penama di bawah perenggan 5 Jadual Ketujuh kepada Akta, penama itu hendaklah dengan secepat yang dapat dilaksanakan memfailkan penarikan balik persetujuan itu dalam Borang 3 Jadual Pertama kepada Mahkamah.

- (2) Penama yang disebut dalam subkaedah (1) hendaklah—

- (a) memberitahu Pendaftar tentang penarikan balik persetujuan itu pada tarikh pemfailan Borang 3 di bawah subkaedah (1) mengikut apa-apa cara yang ditentukan oleh Pendaftar;
- (b) memberitahu syarikat tentang penarikan balik persetujuan itu dengan memberikan, pada tarikh pemfailan Borang 3 di bawah subkaedah (1), sesalinan Borang 3 yang difailkan sedemikian; dan

- (c) memberitahu pemiutang syarikat tentang penarikan balik persetujuan itu dengan menghantar serah, dalam masa tujuh hari dari tarikh pemfailan Borang 3 di bawah subkaedah (1), sesalinan Borang 3 yang difailkan sedemikian.

Penggantian penama

6. (1) Pengarah syarikat atau Pegawai Penerima atau penama yang dilantik di bawah subseksyen 397(1) Akta boleh membuat permohonan bagi penggantian penama itu dengan orang yang lain kepada Mahkamah di bawah subseksyen 401(2) Akta mengikut kaedah 40.

(2) Seseorang yang dilantik sebagai penama gantian menurut suatu permohonan yang dibuat di bawah subkaedah (1) hendaklah memfailkan kepada Mahkamah suatu pernyataan yang menunjukkan persetujuannya untuk bertindak sebagai penama dalam Borang 4 Jadual Pertama.

(3) Penama gantian yang disebut dalam subkaedah (2) hendaklah, pada tarikh pemfailan Borang 4 di bawah subkaedah (2), memberitahu Pendaftar tentang pelantikannya mengikut apa-apa cara yang ditentukan oleh Pendaftar.

Penamatan moratorium dalam perkiraan sukarela

7. Penama hendaklah dalam masa tujuh hari selepas tarikh moratorium yang disebut dalam seksyen 398 Akta tamat di bawah perenggan 5, 6, 7 atau 8 Jadual Kelapan kepada Akta—

- (a) memberitahu Mahkamah tentang fakta penamatan moratorium itu dengan memfailkan Borang 5 Jadual Pertama kepada Mahkamah;
- (b) memberikan sesalinan Borang 5 yang difailkan di bawah perenggan (a) kepada Pendaftar mengikut apa-apa cara yang ditentukan oleh Pendaftar; dan
- (c) memberikan sesalinan Borang 5 yang difailkan di bawah perenggan (a) kepada syarikat dan pemiutang.

BAHAGIAN III

PENGURUSAN KEHAKIMAN

Permohonan bagi perintah pengurusan kehakiman

8. (1) Suatu syarikat atau pemiutangnya hendaklah, melalui saman pemula, memfailkan suatu permohonan bagi perintah pengurusan kehakiman di bawah seksyen 404 Akta kepada Mahkamah dalam Borang 6 Jadual Pertama bersama dengan suatu affidavit sokongan dalam Borang 7 Jadual Pertama.

(2) Affidavit sokongan yang disebut dalam subkaedah (1) hendaklah diikrarkan—

(a) oleh orang yang membuat permohonan bagi perintah pengurusan kehakiman itu; atau

(b) jika terdapat lebih daripada satu affidavit sokongan atau permohonan bagi perintah pengurusan kehakiman itu yang dibuat oleh suatu syarikat, oleh mana-mana pengarah atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh syarikat itu.

(3) Syarikat atau pemiutangnya yang disebut dalam subkaedah (1) hendaklah, pada tarikh pemfailan Borang 6 di bawah subkaedah (1), memberitahu Pendaftar tentang permohonan bagi perintah pengurusan kehakiman itu mengikut apa-apa cara yang ditentukan oleh Pendaftar.

Tarikh pendengaran permohonan bagi perintah pengurusan kehakiman

9. (1) Apabila permohonan bagi perintah pengurusan kehakiman diterima di bawah subkaedah 8(1), Mahkamah hendaklah menetapkan tarikh pendengaran bagi permohonan itu pada suatu tarikh yang tidak lewat daripada enam puluh hari dari tarikh permohonan itu difailkan.

(2) Mahkamah boleh mengubah tarikh pendengaran yang ditetapkan di bawah subkaedah (1) pada bila-bila masa sebelum notis permohonan bagi perintah pengurusan kehakiman itu diiklankan di bawah perenggan 408(1)(a) Akta.

Penyampaian permohonan bagi perintah pengurusan kehakiman

10. (1) Mana-mana pemiutang yang memfailkan permohonan bagi perintah pengurusan kehakiman di bawah subkaedah 8(1) hendaklah menyampaikan permohonan itu dan affidavit sokongannya kepada syarikat dalam masa lima hari dari tarikh permohonan itu difailkan.

(2) Permohonan bagi perintah pengurusan kehakiman boleh disampaikan—

(a) dengan meninggalkan sesalinan permohonan itu dan affidavit sokongannya dengan setiausaha, pengarah atau pegawai lain syarikat itu di pejabat berdaftar syarikat itu;

(b) jika setiausaha, pengarah atau pegawai lain sedemikian tidak dijumpai di pejabat berdaftar syarikat itu, dengan meninggalkan sesalinan permohonan itu dan affidavit sokongannya di pejabat berdaftar syarikat itu; atau

(c) dengan meninggalkan sesalinan permohonan itu dan affidavit sokongannya dengan mana-mana anggota syarikat itu sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah.

(3) Mana-mana pemiutang yang menyampaikan permohonan bagi perintah pengurusan kehakiman di bawah subkaedah (1) hendaklah membuat suatu affidavit penyampaian dalam Borang 8 Jadual Pertama.

Pengiklanan notis permohonan bagi perintah pengurusan kehakiman

11. (1) Suatu notis permohonan bagi perintah pengurusan kehakiman hendaklah diiklankan oleh pemohon mengikut perenggan 408(1)(a) Akta dalam Borang 9 Jadual Pertama tidak kurang daripada empat belas hari sebelum tarikh pendengaran permohonan bagi perintah pengurusan kehakiman itu.

(2) Jika pemohon bagi suatu perintah pengurusan kehakiman tidak mengiklankan notis permohonan bagi perintah pengurusan kehakiman itu yang mengandungi semua kandungan Borang 9 atau mengikut cara yang dikehendaki di bawah kaedah ini, Mahkamah boleh—

(a) menolak permohonan bagi perintah pengurusan kehakiman itu; atau

(b) menetapkan suatu tarikh pendengaran yang baharu.

(3) Pemohon hendaklah, pada tarikh notis permohonan bagi perintah pengurusan kehakiman itu diiklankan, menyerahkan simpan sesalinan notis itu dengan Pendaftar mengikut subseksyen 408(2) Akta.

Salinan permohonan dan affidavit sokongan hendaklah diberikan kepada pemiutang atau anggota

12. Apabila diminta secara bertulis dan dibayar satu ringgit bagi setiap muka surat atau sebahagian daripada satu muka surat permohonan bagi perintah pengurusan kehakiman atau affidavit sokongannya oleh mana-mana pemiutang atau anggota sesuatu syarikat, pemohon bagi perintah pengurusan kehakiman itu hendaklah memberikan sesalinan permohonan dan affidavit itu kepada pemiutang atau anggota syarikat itu dalam masa empat puluh lapan jam dari permintaan itu.

Notis tentang niat untuk hadir

13. (1) Hanya orang yang berikut boleh hadir semasa pendengaran permohonan bagi perintah pengurusan kehakiman untuk menentang permohonan itu:

(a) mana-mana orang yang telah melantik atau berhak atau berkemungkinan berhak untuk melantik penerima atau penerima dan pengurus di bawah subperenggan 408(1)(b)(ii) Akta; atau

(b) mana-mana pemiutang bercagar yang disebut dalam perenggan 409(b) Akta.

(2) Orang yang disebut dalam subkaedah (1) yang berniat untuk hadir semasa pendengaran permohonan bagi perintah pengurusan kehakiman itu hendaklah menyampaikan notis tentang niat untuk hadir kepada pemohon atau peguam caranya.

(3) Notis tentang niat untuk hadir yang disebut dalam subkaedah (2) hendaklah—

(a) dibuat dalam Borang 10 Jadual Pertama; dan

(b) disampaikan, sama ada dengan sendiri atau melalui pos, tidak lewat daripada pukul dua belas tengah hari pada hari sebelum tarikh pendengaran permohonan bagi perintah pengurusan kehakiman itu.

(4) Mana-mana orang yang disebut dalam subkaedah (1) yang tidak mematuhi kaedah ini tidak boleh, tanpa kebenaran Mahkamah, dibenarkan untuk hadir semasa pendengaran permohonan bagi perintah pengurusan kehakiman itu.

Senarai orang yang berniat untuk hadir

14. (1) Apabila notis tentang niat untuk hadir diterima di bawah kaedah 13, pemohon bagi perintah pengurusan kehakiman atau peguam caranya hendaklah menyediakan suatu senarai dalam Borang 11 Jadual Pertama yang mengandungi nama dan alamat orang yang berniat untuk hadir semasa pendengaran permohonan bagi perintah pengurusan kehakiman itu dan peguam cara mereka masing-masing.

(2) Pemohon bagi perintah pengurusan kehakiman atau peguam caranya hendaklah mengemukakan senarai yang disebut dalam subkaedah (1) kepada Mahkamah pada tarikh pendengaran permohonan itu.

Afidavit yang menentang permohonan dan afidavit jawapan

15. (1) Mana-mana orang yang disebut dalam subkaedah 13(1) menentang permohonan bagi perintah pengurusan kehakiman di bawah kaedah 8 hendaklah memfailkan kepada Mahkamah suatu afidavit yang menentang permohonan itu dan menyampaikan sesalinan afidavit itu kepada pemohon bagi perintah pengurusan

kehakiman itu atau peguam caranya tidak lewat daripada tujuh hari dari tarikh pendengaran permohonan itu.

(2) Apa-apa affidavit jawapan kepada affidavit yang menentang permohonan bagi perintah pengurusan kehakiman di bawah subkaedah (1) hendaklah difailkan kepada Mahkamah oleh pemohon dalam masa tiga hari dari tarikh penyampaian affidavit yang menentang permohonan itu kepada pemohon atau peguam caranya.

Penggantian mana-mana orang sebagai pemohon

16. (1) Jika seorang pemohon bagi perintah pengurusan kehakiman—

- (a) tidak berhak untuk membuat permohonan bagi perintah pengurusan kehakiman itu;
- (b) tidak mematuhi kaedah 8, 9, 10, 11, 12, 13, 14 atau 15;
- (c) menarik balik permohonannya bagi perintah pengurusan kehakiman itu; atau
- (d) gagal hadir bagi menyokong permohonannya bagi perintah pengurusan kehakiman itu pada tarikh asal yang ditetapkan bagi pendengaran permohonan itu atau pada tarikh lain yang pendengaran itu ditangguhkan,

Mahkamah boleh, mengikut apa-apa terma sebagaimana yang difikirkan adil oleh Mahkamah, menggantikan pemohon itu dengan mana-mana orang lain yang, pada pendapat Mahkamah, berhak untuk membuat permohonan bagi perintah pengurusan kehakiman itu dan yang berhasrat untuk meneruskan permohonan itu.

(2) Suatu perintah untuk menggantikan pemohon bagi perintah pengurusan kehakiman hendaklah dalam Borang 12 Jadual Pertama.

Perintah pengurusan kehakiman

17. (1) Suatu perintah pengurusan kehakiman yang dibuat di bawah seksyen 405 Akta hendaklah dalam Borang 13 Jadual Pertama.

(2) Jika suatu perintah pengurusan kehakiman dibuat oleh Mahkamah di bawah seksyen 405 Akta, pemohon hendaklah memaklumkan pengurus kehakiman tentang perintah pengurusan kehakiman itu dalam Borang 14 Jadual Pertama dalam masa dua hari dari tarikh perintah pengurusan kehakiman itu.

(3) Pengurus kehakiman hendaklah dalam masa lima hari dari tarikh dia dimaklumkan tentang perintah pengurusan kehakiman di bawah subkaedah (2)—

(a) menyiarkan suatu notis tentang perintah pengurusan kehakiman itu dalam Borang 15 Jadual Pertama menurut perenggan 418(1)(b) Akta; dan

(b) menghantar sesalinan perintah pengurusan kehakiman itu dan notis tentang perintah yang disiarkan di bawah perenggan (a) kepada Pendaftar mengikut apa-apa cara yang ditentukan oleh Pendaftar.

(4) Melainkan jika diarahkan selainnya oleh Mahkamah, pengurus kehakiman hendaklah menghantar sesalinan perintah pengurusan kehakiman itu kepada syarikat menurut seksyen 418 Akta sama ada dengan sendiri atau melalui pos berdaftar yang dialamatkan kepada setiausaha syarikat itu di alamat berdaftar syarikat itu.

Bukti hutang

18. (1) Jika seorang pemiutang menerima sesalinan perintah pengurusan kehakiman menurut perenggan 418(1)(c) Akta, pemiutang itu hendaklah membuktikan hutangnya dengan mengemukakan bukti hutangnya dalam Borang 16 Jadual Pertama sama ada dengan sendiri atau melalui pos berdaftar kepada pengurus kehakiman dalam masa empat belas hari dari tarikh penerimaan perintah pengurusan kehakiman itu melainkan jika diarahkan selainnya oleh Mahkamah.

(2) Pengurus kehakiman boleh pada bila-bila masa meminta pengemukakan dokumen yang berkaitan untuk menyokong bukti hutang itu.

(3) Seorang pemiutang hendaklah menanggung kos untuk membuktikan hutangnya dalam suatu pengurusan kehakiman melainkan jika diarahkan selainnya oleh Mahkamah.

Penyata akaun

19. Seorang pemberi pinjam wang berlesen yang mengemukakan suatu bukti hutang di bawah kaedah 18 berkenaan dengan suatu pinjaman yang diberikan olehnya kepada peminjam hendaklah mengemukakan kepada pengurus kehakiman suatu penyata akaun dalam borang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama kepada Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 [*Akta 400*] dalam masa empat belas hari dari tarikh pengemukakan bukti hutang itu.

Tuntutan bagi upah dan gaji pekerja syarikat di bawah pengurusan kehakiman

20. (1) Jika terdapat lebih daripada satu tuntutan bagi upah atau gaji oleh pekerja-pekerja suatu syarikat di bawah pengurusan kehakiman, mencukupi jika satu bukti hutang dibuat bagi semua tuntutan itu mengikut Borang 17 Jadual Pertama, bagi pihak pekerja-pekerja itu, sama ada oleh orang yang diberi kuasa oleh syarikat itu atau kesatuan sekerja yang diiktiraf oleh syarikat itu.

(2) Suatu senarai yang menyatakan nama dan alamat pekerja-pekerja yang menuntut upah dan gaji di bawah subkaedah (1) dan jumlah secara berasingan yang kena dibayar kepada pekerja-pekerja itu hendaklah dilampirkan kepada Borang 17.

(3) Mana-mana bukti hutang yang dibuat dengan mematuhi kaedah ini hendaklah mempunyai kesan yang sama seolah-olah suatu bukti hutang yang berasingan telah dibuat oleh setiap pekerja itu.

Ringkasan pernyataan hal ehwal syarikat

21. Jika seorang pengurus kehakiman menerima suatu pernyataan hal ehwal syarikat di bawah subseksyen 418(2) Akta, pengurus kehakiman hendaklah, dengan secepat yang dapat dilaksanakan, menghantar kepada setiap pemiutang yang disebut dalam pernyataan hal ehwal syarikat itu—

- (a) suatu ringkasan bagi pernyataan hal ehwal syarikat itu termasuklah sebab-sebab kegagalan syarikat itu untuk membayar hutangnya; dan
- (b) apa-apa pemerhatian ke atas pernyataan hal ehwal syarikat itu yang difikirkan patut oleh pengurus kehakiman itu.

Notis mesyuarat pemiutang yang pertama

22. (1) Jika suatu mesyuarat pemiutang dipanggil di bawah perenggan 420(1)(b) Akta untuk kali yang pertama, pengurus kehakiman hendaklah memberikan notis tentang mesyuarat itu—

- (a) dengan menghantar notis itu kepada semua pemiutang syarikat di alamat mereka yang terakhir diketahui sama ada dengan sendiri atau melalui pos tidak lewat daripada empat belas hari dari tarikh mesyuarat itu;
- (b) dengan menyiarkan notis itu dalam satu surat khabar yang diedarkan secara meluas di Malaysia dalam bahasa kebangsaan dan satu surat khabar yang diedarkan secara meluas di Malaysia dalam bahasa Inggeris; dan
- (c) dengan menghantar notis itu kepada mana-mana pengarah atau pegawai syarikat itu yang diletakkan di bawah pengurusan kehakiman, yang pada pendapat pengurus kehakiman itu patut hadir semasa mesyuarat itu, di alamat berdaftar syarikat itu sama ada dengan sendiri atau melalui pos tidak lewat daripada tujuh hari dari tarikh mesyuarat itu.

(2) Mana-mana pengarah atau pegawai yang menerima notis tentang mesyuarat pemiutang yang pertama di bawah perenggan (1)(c) hendaklah hadir semasa mesyuarat itu.

Panggilan mesyuarat pemiutang

23. (1) Pengurus kehakiman hendaklah memanggil mesyuarat pemiutang di bawah subseksyen 423(2) Akta dengan menghantar notis tentang mesyuarat itu kepada—

(a) tiap-tiap pemiutang syarikat itu; dan

(b) tiap-tiap orang yang didapati sebagai seorang pemiutang syarikat itu dalam buku syarikat,

sama ada dengan sendiri atau melalui pos tidak kurang daripada empat belas hari dari tarikh mesyuarat itu.

(2) Notis kepada setiap pemiutang yang disebut dalam perenggan (1)(a) dan (b) hendaklah dihantar oleh pengurus kehakiman—

(a) ke alamat yang diberikan dalam bukti hutang pemiutang itu;

(b) jika pemiutang itu tidak membuktikan bukti hutangnya, ke alamat yang diberikan dalam pernyataan hal ehwal syarikat; atau

(c) ke alamat pemiutang itu yang terakhir diketahui.

(3) Prosiding mesyuarat pemiutang tidak menjadi tidak sah disebabkan apa-apa ringkasan pernyataan hal ehwal syarikat atau notis yang dikehendaki oleh Kaedah-Kaedah ini supaya dihantar tetapi tidak dihantar atau diterima sebelum mesyuarat itu.

Bukti notis mesyuarat pemiutang

24. (1) Pengurus kehakiman hendaklah, apabila menghantar notis mesyuarat pemiutang di bawah kaedah 22 atau 23, membuat suatu affidavit dalam Borang 18 Jadual Pertama.

(2) Affidavit yang disebut dalam subkaedah (1) hendaklah difailkan kepada Mahkamah dalam masa tujuh hari dari tarikh penyampaian affidavit itu.

(3) Affidavit yang dibuat menurut subkaedah (1) hendaklah menjadi keterangan yang mencukupi bahawa notis itu telah dihantar dengan sewajarnya kepada orang yang kepadanya notis itu dialamatkan.

Ketidakterimaan notis oleh pemiutang

25. Melainkan jika Mahkamah memerintahkan sebaliknya, jika suatu mesyuarat pemiutang dipanggil oleh pengurus kehakiman di bawah kaedah 22 atau 23, prosiding dan ketetapan pada mesyuarat itu adalah sah walaupun mana-mana pemiutang tidak menerima notis yang dihantar kepadanya.

Tempat mesyuarat pemiutang

26. Tiap-tiap mesyuarat pemiutang hendaklah diadakan di mana-mana tempat sebagaimana yang difikirkan oleh pengurus kehakiman paling mudah bagi majoriti daripada nilai keseluruhan pemiutang.

Pengerusi mesyuarat pemiutang

27. (1) Semua mesyuarat pemiutang yang dipanggil oleh pengurus kehakiman di bawah kaedah 22 atau 23 hendaklah dipengerusikan oleh pengurus kehakiman itu atau mana-mana orang lain yang dinamakan oleh pengurus kehakiman itu.

(2) Mana-mana mesyuarat pemiutang lain, selain mesyuarat yang disebut dalam subkaedah (1), hendaklah dipengerusikan oleh mana-mana orang sebagaimana yang dilantik, melalui ketetapan, oleh anggota mesyuarat itu.

Kuorum

28. (1) Kuorum bagi mesyuarat pemiutang di bawah kaedah 22 atau 23 ialah—

- (a) jika bilangan pemiutang yang layak mengundi lebih daripada tiga orang, tiga orang pemiutang; atau
- (b) jika bilangan pemiutang yang layak mengundi tidak melebihi tiga orang, kesemua pemiutang.

(2) Jika kuorum pemiutang tidak hadir dalam masa setengah jam dari masa yang ditetapkan bagi mengadakan mesyuarat pemiutang itu, mesyuarat itu akan ditangguhkan—

- (a) ke hari yang sama dalam minggu yang berikutnya pada masa dan tempat yang sama; atau
- (b) ke mana-mana tarikh lain sebagaimana yang ditetapkan oleh pengerusi yang tidak kurang daripada tujuh hari tetapi tidak lebih daripada dua puluh satu hari dari tarikh mesyuarat pemiutang itu.

(3) Jika dalam masa setengah jam dari masa yang ditetapkan bagi mesyuarat yang ditangguhkan di bawah subkaedah (2) kuorum pemiutang tidak hadir, pengurus kehakiman tidak boleh menetapkan tarikh lain bagi mesyuarat pemiutang itu.

(4) Bagi maksud subkaedah (3), pengurus kehakiman hendaklah melaporkan keputusan mesyuarat yang ditangguhkan itu kepada Mahkamah menurut subseksyen 421(4) atau 423(5) Akta, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan hendaklah menyatakan bahawa kuorum mesyuarat itu tidak hadir.

Pemiutang layak untuk mengundi dalam mesyuarat pemiutang

29. Seseorang tidak layak untuk mengundi sebagai pemiutang dalam mesyuarat pemiutang atau mana-mana mesyuarat pemiutang yang ditangguhkan di bawah kaedah 22 atau 23 melainkan jika dia telah mengemukakan dengan sewajarnya kepada pengurus kehakiman bukti hutang dalam Borang 16 Jadual Pertama—

- (a) mengikut kaedah 18; atau
- (b) tidak lewat dari tarikh yang dinyatakan bagi pengemukaan bukti hutang dalam notis yang memanggil mesyuarat atau mesyuarat yang ditangguhkan itu.

Pemiutang tidak layak mengundi dalam kes tertentu

30. (1) Seorang pemiutang syarikat di bawah pengurusan kehakiman tidak layak untuk mengundi berkenaan dengan—

- (a) apa-apa hutang jumlah tidak tertentu atau hutang luar jangka;
- (b) apa-apa hutang yang nilainya tidak ditentukan; atau
- (c) apa-apa hutang yang dijamin dengan bil pertukaran atau nota janji hutang semasa yang dipegang oleh pemiutang itu melainkan jika pemiutang itu bersetuju untuk menganggap liabiliti kepadanya pada bil pertukaran atau nota janji hutang bagi tiap-tiap orang yang bertanggung terdahulu kepada syarikat itu, dan yang terhadapnya suatu perintah kebangkrapan, atau dalam hal suatu syarikat, suatu perintah penggulungan belum dibuat, sebagai suatu jaminan yang ada dalam tangannya.

(2) Pemiutang hendaklah menganggarkan liabiliti di bawah perenggan (1)(c), dan bagi maksud pengundian, amaun bagi liabiliti yang dianggarkan itu tidak boleh dimasukkan dalam jumlah nilai bukti hutangnya.

Undi pemiutang bercagar dalam mesyuarat pemiutang

31. (1) Bagi maksud pengundian, seorang pemiutang bercagar hendaklah menyatakan dalam bukti hutangnya—

- (a) butir-butir cagarannya;
- (b) tarikh cagaran itu diberikan; dan
- (c) nilai yang ditaksirkannya bagi cagaran itu,

dan pemiutang bercagar itu berhak untuk mengundi dalam mesyuarat pemiutang hanya berkenaan dengan baki hutang, jika ada, yang kena dibayar kepadanya selepas menolak nilai cagarannya.

(2) Jika pemiutang bercagar mengundi berkenaan dengan keseluruhan hutangnya tanpa menolak nilai cagarannya, dia hendaklah disifatkan telah menyerahkan cagarannya, melainkan jika Mahkamah, atas permohonan oleh mana-mana orang, berpuas hati bahawa peninggalan untuk menilai cagaran itu berbangkit daripada ketidaksengajaan.

Penerimaan dan penolakan bukti hutang bagi maksud pengundian dalam mesyuarat pemiutang

32. (1) Seorang pengerusi mesyuarat pemiutang mempunyai kuasa untuk menerima atau menolak suatu bukti hutang bagi maksud pengundian.

(2) Jika pengerusi meragui sama ada suatu bukti hutang hendaklah diterima atau ditolak, pengerusi itu hendaklah menganggap bukti hutang itu sebagai dibantah.

(3) Jika bukti hutang bagi pemiutang dianggap sebagai dibantah di bawah subkaedah (2), pengerusi hendaklah membenarkan pemiutang itu mengundi, dan hendaklah menyatakan dalam laporan keputusan mesyuarat pemiutang yang difailkan di bawah kaedah 34 bahawa bukti hutang itu telah dianggap sebagai dibantah.

Minit mesyuarat pemiutang

33. (1) Pengerusi hendaklah menyebabkan minit prosiding dalam mesyuarat pemiutang disediakan dan dimasukkan dalam suatu buku yang disimpan bagi maksud itu.

(2) Minit yang disediakan di bawah subkaedah (1) hendaklah ditandatangani oleh pengerusi yang mempengerusikan mesyuarat itu atau oleh pengerusi mesyuarat yang berikutnya.

Pemfailan keputusan mesyuarat pemiutang

34. Keputusan bagi tiap-tiap mesyuarat pemiutang yang dijalankan menurut seksyen 421 atau 423 Akta hendaklah difailkan oleh pengurus kehakiman kepada Mahkamah dalam Borang 19 Jadual Pertama dalam masa tujuh hari dari tarikh mesyuarat pemiutang itu bersama dengan dokumen berkaitan lain yang dinyatakan dalam Borang 19.

Kos memanggil mesyuarat pemiutang oleh orang lain

35. (1) Kos memanggil mesyuarat pemiutang oleh mana-mana orang selain pengurus kehakiman hendaklah—

(a) dibayar oleh orang yang memanggil mesyuarat itu; atau

(b) dibayar daripada aset syarikat jika Mahkamah melalui perintah, atau pemiutang melalui ketetapan, mengarahkan sedemikian.

(2) Orang yang memanggil mesyuarat pemiutang yang disebut dalam subkaedah (1) hendaklah, sebelum mesyuarat pemiutang itu dipanggil, mendepositkan dengan pengurus kehakiman apa-apa jumlah wang sebagaimana yang dikehendaki oleh pengurus kehakiman itu sebagai jaminan bagi pembayaran kos itu.

(3) Kos memanggil mesyuarat pemiutang yang disebut dalam subkaedah (1), termasuk semua perbelanjaan bagi pencetakan, alat tulis, bayaran pos dan penyewaan bilik, hendaklah dikira pada kadar yang berikut bagi setiap pemiutang yang kepadanya notis dikehendaki untuk dihantar:

- (a) lima ringgit bagi setiap pemiutang bagi lima puluh pemiutang yang pertama;
- (b) tiga ringgit bagi setiap pemiutang bagi lima puluh pemiutang yang berikutnya; dan
- (c) dua ringgit bagi setiap pemiutang bagi apa-apa bilangan pemiutang selepas seratus pemiutang yang pertama.

Jawatankuasa pemiutang

36. (1) Jawatankuasa pemiutang yang ditubuhkan di bawah seksyen 422 Akta hendaklah terdiri daripada tidak kurang daripada lima orang dan tidak lebih daripada tujuh orang—

- (a) yang salah seorang daripadanya hendaklah merupakan—
 - (i) seorang pekerja syarikat itu, selain pengarah atau bekas pengarah; atau
 - (ii) jika pekerja itu ialah anggota suatu kesatuan sekerja, kesatuan sekerja itu yang diiktiraf oleh syarikat,untuk mewakili pekerja-pekerja syarikat itu; dan
- (b) yang salah seorang daripadanya hendaklah merupakan seorang pemegang syer syarikat itu untuk mewakili pemegang-pemegang syer.

(2) Jawatankuasa pemiutang hendaklah mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya sekali tiap-tiap empat belas hari melainkan jika jawatankuasa itu menetapkan selainnya.

(3) Pekerja atau kesatuan sekerja, dan pemegang syer yang disebut dalam perenggan (1)(a) dan (b) masing-masing hendaklah menghadiri semua mesyuarat jawatankuasa pemiutang tetapi tidak berhak untuk mengundi sebagai anggota jawatankuasa itu.

(4) Jawatankuasa pemiutang hendaklah dalam mana-mana mesyuaratnya—

(a) memilih seorang pengerusi, yang berhak untuk mengundi, dalam kalangan anggotanya selain pekerja atau kesatuan sekerja, dan pemegang syer yang disebut dalam perenggan (1)(a) dan (b); dan

(b) memutuskan kuorum mesyuarat itu.

(5) Semua keputusan dalam mesyuarat jawatankuasa pemiutang hendaklah dibuat melalui suatu ketetapan bertulis yang ditandatangani oleh majoriti daripada bilangan anggota yang berhak mengundi.

(6) Mana-mana kekosongan dalam jawatankuasa pemiutang hendaklah diisi atas budi bicara jawatankuasa itu.

Permohonan untuk melanjutkan perintah pengurusan kehakiman

37. (1) Pengurus kehakiman boleh membuat suatu permohonan kepada Mahkamah untuk melanjutkan tempoh perintah pengurusan kehakiman di bawah subseksyen 406(1) Akta dalam Borang 20 Jadual Pertama sekurang-kurangnya tiga puluh hari sebelum habis tempoh perintah itu.

(2) Perintah pelanjutan bagi perintah pengurusan kehakiman hendaklah dalam Borang 21 Jadual Pertama.

(3) Jika suatu permohonan untuk melanjutkan perintah pengurusan kehakiman dibenarkan oleh Mahkamah, pengurus kehakiman hendaklah—

- (a) dalam masa tujuh hari dari tarikh perintah pelanjutan dibuat, menghantar mengikut apa-apa cara yang ditentukan oleh Pendaftar sesalinan perintah pelanjutan itu kepada Pendaftar; dan
- (b) dalam masa tujuh hari dari tarikh perintah pelanjutan dibuat, menyiarkan notis tentang perintah pelanjutan itu dalam Borang 22 Jadual Pertama dalam satu surat khabar yang diedarkan secara meluas di Malaysia dalam bahasa kebangsaan dan satu surat khabar yang diedarkan secara meluas di Malaysia dalam bahasa Inggeris.

(4) Melainkan jika diarahkan selainnya oleh Mahkamah, pengurus kehakiman hendaklah menghantar sesalinan perintah pelanjutan itu kepada syarikat sama ada dengan sendiri atau melalui pos berdaftar yang dialamatkan kepada setiausaha di pejabat berdaftar syarikat itu.

BAHAGIAN IV

AM

Fi Mahkamah

38. (1) Fi bagi semua perkara yang berhubungan dengan perkiraan sukarela atau pengurusan kehakiman yang difailkan di Mahkamah dinyatakan dalam Jadual Kedua.

(2) Fi hendaklah dipungut mengikut apa-apa cara sebagaimana yang diarahkan oleh Hakim Besar dari semasa ke semasa.

(3) Fi tidak terpakai bagi Kerajaan atau jabatan Kerajaan.

Perkara untuk didengar dalam mahkamah terbuka dan dalam kamar

39. (1) Tiap-tiap perkara yang difailkan di Mahkamah di bawah Kaedah-Kaedah ini, selain perkara yang dinyatakan dalam subkaedah (2), hendaklah didengar dalam kamar melainkan jika Mahkamah mengarahkan selainnya.

(2) Perkara yang berikut hendaklah didengar di hadapan Hakim dalam mahkamah terbuka:

- (a) rayuan kepada Mahkamah di bawah subseksyen 401(4) dan 419(3) Akta; dan
- (b) permohonan di bawah Penggal 8 Bahagian III Akta yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

Notis permohonan

40. (1) Tiap-tiap permohonan di Mahkamah yang dinyatakan dalam perenggan 39(2)(b) hendaklah dibuat oleh pemohon melalui notis permohonan dalam Borang 23 Jadual Pertama dan disampaikan oleh pemohon kepada pihak yang berkaitan tidak kurang daripada tiga hari genap sebelum tarikh pendengaran yang dinyatakan dalam notis permohonan itu.

(2) Tiada permohonan yang dibuat di bawah subkaedah (1) boleh disampaikan di luar masa kepada pihak yang berkaitan melainkan dengan kebenaran Mahkamah.

(3) Suatu permohonan bagi kebenaran untuk menyampaikan notis permohonan di luar masa hendaklah dibuat secara *ex-parte*.

JADUAL PERTAMA

BORANG 1

[Kaedah 3]

CADANGAN BAGI PERKIRAAN SUKARELA

Kepada Pendaftar Mahkamah Tinggi,

Nama Syarikat:

No. Syarikat:

Saya, _____ (*nama pencadang*) beralamat di _____
(*alamat pejabat berdaftar (syarikat)/alamat perniagaan (selain syarikat)*),
menyatakan seperti yang berikut:

1. _____ (*nama syarikat*) telah diperbadankan pada
_____ hari bulan _____ 20_____.

2. Pejabat berdaftar syarikat itu adalah di _____

3. Modal keluaran syarikat itu ialah RM_____. Amaun modal berbayar atau
modal dikreditkan sebagai berbayar ialah RM_____ dan amaun modal tidak
berbayar ialah RM _____.

4. Jenis perniagaan syarikat itu adalah seperti yang berikut:

(a) _____

(b) _____

(c) _____

5. Syarikat itu layak bagi suatu moratorium.

6. Penama di bawah perkiraan sukarela _____
(*nama dan No. K.P.*), yang mempunyai tempat perniagaan utamanya
di _____ (*alamat*) telah memberikan persetujuan untuk bertindak
sebagai penama.

7. Syarikat itu *pernah/tidak pernah sebelum ini memohon bagi suatu perkiraan sukarela.

(Nyatakan butir-butir tentang perkiraan sukarela jika syarikat pernah sebelum ini memohon suatu perkiraan sukarela, iaitu tarikh pemfailan kepada Mahkamah, tempoh moratorium dan nama penama).

8. Dokumen yang berikut adalah dengan ini dilampirkan:

- (a) terma perkiraan sukarela yang dicadangkan di bawah perenggan 397(1)(a) Akta Syarikat 2016;
- (b) pernyataan hal ehwal syarikat yang mengandungi butir-butir pemiutang syarikat dan tentang hutang, liabiliti dan asetnya di bawah perenggan 397(1)(b) Akta Syarikat 2016;
- (c) pernyataan daripada penama yang menunjukkan pendapatnya di bawah subseksyen 397(2) Akta Syarikat 2016; dan
- (d) pernyataan persetujuan untuk bertindak oleh penama di bawah perenggan 398(1)(d) Akta Syarikat 2016.

Bertarikh _____ hari bulan _____ 20_____.

(Pencadang)
 Nama pencadang: _____
 No. K.P.: _____
 *Alamat pejabat berdaftar
 (syarikat)/alamat perniagaan (selain
 syarikat): _____

*Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

BORANG 2

[Kaedah 4]

LAPORAN KEPUTUSAN *MESYUARAT PEMIUTANG/MESYUARAT ANGGOTA

Kepada Pendaftar Mahkamah Tinggi,

Nama Syarikat:

No. Syarikat:

1. Dengan ini diberitahu bahawa suatu *mesyuarat pemiutang/mesyuarat anggota menurut seksyen 399 Akta Syarikat 2016 telah diadakan seperti yang berikut:

Tarikh mesyuarat: _____

Masa mesyuarat: _____

Tempat mesyuarat: _____

2. *Dengan ini diberitahu bahawa keputusan mesyuarat pemiutang adalah seperti yang berikut:

(a) *bahawa majoriti pemiutang yang sekurang-kurangnya 75% daripada jumlah keseluruhan nilai pemiutang yang hadir dan mengundi sama ada dengan sendiri atau melalui proksi telah meluluskan perkiraan sukarela yang dicadangkan.

(b) *bahawa majoriti pemiutang yang hadir dan mengundi sama ada dengan sendiri atau melalui proksi tidak meluluskan perkiraan sukarela yang dicadangkan.

(c) *bahawa majoriti pemiutang yang sekurang-kurangnya 75% daripada jumlah keseluruhan nilai pemiutang yang hadir dan mengundi sama ada dengan sendiri atau melalui proksi telah meluluskan pelanjutan moratorium bagi tempoh _____ hari.

(d) *bahawa majoriti pemiutang yang hadir dan mengundi sama ada dengan sendiri atau melalui proksi tidak meluluskan pelanjutan moratorium.

3. *Dengan ini diberitahu bahawa keputusan mesyuarat anggota adalah seperti yang berikut:

- (a) *bahawa majoriti anggota yang hadir dan mengundi sama ada dengan sendiri atau melalui proksi telah meluluskan perkiraan sukarela yang dicadangkan.
- (b) *bahawa majoriti anggota yang hadir dan mengundi sama ada dengan sendiri atau melalui proksi tidak meluluskan perkiraan sukarela yang dicadangkan.
- (c) *bahawa majoriti anggota yang hadir dan mengundi sama ada dengan sendiri atau melalui proksi telah meluluskan pelanjutan moratorium bagi tempoh _____ hari.
- (d) *bahawa majoriti anggota yang hadir dan mengundi sama ada dengan sendiri atau melalui proksi tidak meluluskan pelanjutan moratorium.

Bertarikh _____ hari bulan _____ 20_____.

(Penama)

Nama penama: _____

No. K.P.: _____

Alamat perniagaan: _____

*Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

BORANG 3

[Kaedah 5]

PENARIKAN BALIK PERSETUJUAN UNTUK BERTINDAK SEBAGAI PENAMA

Kepada Pendaftar Mahkamah Tinggi,

Nama Syarikat:

No. Syarikat:

Saya, _____ (*nama penama*) beralamat di _____
(*alamat perniagaan*), *mengangkat sumpah/berikrar dan menyatakan bahawa saya
dengan ini menarik balik persetujuan saya untuk bertindak sebagai penama bagi
syarikat yang dinamakan di atas.

Diangkat sumpah di _____
Di dalam Negeri _____
Pada _____ hari bulan _____ 20 _____

(*Penama*)
Nama penama: _____
No. K.P.: _____
Alamat perniagaan: _____

Di hadapan saya

Pesuruhjaya Sumpah

*Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

BORANG 4

[Kaedah 6]

PERSETUJUAN UNTUK BERTINDAK SEBAGAI PENAMA GANTIAN

Kepada Pendaftar Mahkamah Tinggi,

Nama Syarikat:

No. Syarikat:

Saya, _____ (*nama penama gantian*) beralamat di _____ (*alamat perniagaan*), *mengangkat sumpah/berikrar dan menyatakan bahawa saya dengan ini bersetuju untuk dilantik sebagai penama gantian bagi syarikat yang dinamakan di atas.

Diangkat sumpah di _____

Di dalam Negeri _____

Pada _____ hari bulan _____ 20 _____

(*Penama gantian*)

Nama penama gantian: _____

No. K.P.: _____

Alamat perniagaan: _____

Di hadapan saya

Pesuruhjaya Sumpah

*Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

BORANG 5

[Kaedah 7]

NOTIS PENAMATAN TEMPOH MORATORIUM
DALAM PERKIRAAN SUKARELA

Kepada Pendaftar Mahkamah Tinggi,

Nama Syarikat:

No. Syarikat:

Saya, _____ (*nama penama*) beralamat di _____ (*alamat
perniagaan*), dengan ini memberitahu bahawa tempoh moratorium bagi perkiraan
sukarela syarikat yang dinamakan di atas telah tamat pada _____.

Bertarikh _____ hari bulan _____ 20_____.

(*Penama*)

Nama penama: _____

No. K.P.: _____

Alamat perniagaan: _____

BORANG 6

[Kaedah 8]

PERMOHONAN BAGI PERINTAH PENGURUSAN KEHAKIMAN

DALAM MAHKAMAH TINGGI DI MALAYA/SABAH DAN SARAWAK

No. S.P. _____ tahun 20 _____

Dalam Perkara Mengenai Akta Syarikat 2016
DAN
Dalam Perkara Mengenai _____

Nama Pemohon

... Pemohon

SAMAN PEMULA *EX-PARTE*

Benarkan semua pihak yang berkenaan hadir di hadapan Hakim pada _____ hari bulan _____ 20 _____ pada pukul _____ *pagi/petang bagi pendengaran suatu permohonan oleh pemohon bahawa _____ (*nama syarikat*) boleh diletakkan di bawah pengurusan kehakiman seorang pengurus kehakiman menurut suatu perintah yang dibuat oleh Mahkamah di bawah seksyen 405 Akta Syarikat 2016.

Bertarikh _____ hari bulan _____ 20 _____.

(Meterai)

Pendaftar Mahkamah Tinggi

Saman ini diambil oleh _____ (*peguam cara bagi pemohon*) yang beralamat di _____

*Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

Nota:

Saman ini hendaklah disampaikan bersama dengan suatu afidavit bagi menyokong permohonan bagi perintah pengurusan kehakiman itu. Saman ini tidak boleh disampaikan lebih daripada 6 bulan selepas tarikh saman pemula ini melainkan jika diperbaharui melalui perintah Mahkamah.

BORANG 7

[Kaedah 8]

AFIDAVIT SOKONGAN PERMOHONAN BAGI
PERINTAH PENGURUSAN KEHAKIMAN*(Tajuk seperti dalam tindakan)*

Saya, _____ (*nama pemohon*) beralamat di _____
 (**alamat pejabat berdaftar (syarikat)/alamat perniagaan (selain syarikat)*),
 *mengangkat sumpah/berikrar dan menyatakan seperti yang berikut:

1. _____ (*nama syarikat*) (selepas daripada ini disebut
 “syarikat itu”) telah pada _____ hari bulan _____ 20_____
 diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016.

2. Pejabat berdaftar syarikat itu adalah di _____

3. Modal keluaran syarikat itu ialah RM_____. Amaun modal berbayar atau
 modal dikreditkan sebagai berbayar ialah RM_____ dan amaun modal tidak
 berbayar ialah RM _____.

4. Jenis perniagaan syarikat itu adalah seperti yang berikut:

(a) _____

(b) _____

(c) _____

5. Syarikat itu *tidak mampu/akan menjadi tidak mampu untuk membayar
 hutangnya dan terdapat kebarangkalian yang munasabah untuk memulihkan syarikat
 itu atau mengekalkan semua atau sebahagian daripada perniagaannya sebagai suatu
 usaha berterusan atau supaya selainnya kepentingan pemiutang lebih terjaga daripada
 mengambil keputusan untuk menggulung syarikat itu.

*(Sila nyatakan dalam perenggan fakta yang dipercayai oleh pemohon bagi menyokong
 permohonannya).*

6. Oleh yang demikian, pemohon memohon dengan rendah diri seperti yang berikut:

(a) bahawa syarikat itu boleh diletakkan di bawah pengurusan kehakiman
 seorang pengurus kehakiman menurut suatu perintah yang dibuat oleh
 Mahkamah di bawah seksyen 405 Akta Syarikat 2016; dan

(b) bahawa apa-apa perintah lain boleh dibuat sebagaimana yang difikirkan adil oleh Mahkamah.

Diangkat sumpah di _____
Di dalam Negeri _____
Pada _____ hari bulan _____ 20 _____

(Pemohon)
Nama pemohon: _____
No. K.P.: _____
*Alamat pejabat berdaftar
(syarikat)/alamat perniagaan (selain
syarikat): _____

Di hadapan saya

Pesuruhjaya Sumpah

*Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

BORANG 8

[Kaedah 10]

AFIDAVIT PENYAMPAIAN PERMOHONAN BAGI
PERINTAH PENGURUSAN KEHAKIMAN*(Tajuk seperti dalam tindakan)*

Saya, _____ (*nama pemiutang*) beralamat di _____
 (**alamat pejabat berdaftar (syarikat)/alamat perniagaan (selain syarikat)*),
 *mengangkat sumpah/berikrar dan menyatakan seperti yang berikut:

*1. *(Dalam hal penyampaian kepada syarikat dengan meninggalkan dokumen dengan setiausaha, pengarah atau pegawai lain syarikat itu di pejabat berdaftar)*

Bahawa saya telah pada _____ hari bulan _____ 20 _____, menyampaikan kepada syarikat yang dinamakan di atas Saman Pemula Permohonan bagi Perintah Pengurusan Kehakiman bertarikh _____ hari bulan _____ 20 _____ dan affidavit sokongannya dengan meninggalkan dengan _____ (*nama dan perihalan*) *setiausaha, pengarah atau pegawai lain syarikat itu suatu salinan Saman Pemula Permohonan bagi Perintah Pengurusan Kehakiman dan affidavit sokongannya, yang dimeterai dengan sewajarnya dengan meterai Mahkamah, di _____ (*alamat pejabat berdaftar*), pada _____ hari bulan _____ 20 _____ pada pukul _____ *pagi/petang.

*2. *(Dalam hal penyampaian jika tiada setiausaha, pengarah atau pegawai lain syarikat itu dijumpai di pejabat berdaftar)*

Bahawa saya telah pada _____ hari bulan _____ 20 _____, setelah gagal berjumpa dengan mana-mana *setiausaha, pengarah atau pegawai lain syarikat yang dinamakan di atas itu di _____ (*alamat pejabat berdaftar*), meninggalkan di pejabat berdaftar syarikat itu suatu salinan Saman Pemula Permohonan bagi Perintah Pengurusan Kehakiman bertarikh _____ hari bulan _____ 20 _____ dan affidavit sokongannya, yang dimeterai dengan sewajarnya dengan meterai Mahkamah, pada pukul _____ *pagi/petang.

(Sila nyatakan dengan siapa dan di mana dokumen itu ditinggalkan).

*3. (Dalam hal penyampaian kepada anggota syarikat sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah)

Bahawa saya telah pada _____ hari bulan _____ 20 _____, menyampaikan kepada _____ (nama anggota syarikat dan perihalan) suatu salinan Saman Pemula Permohonan bagi Perintah Pengurusan Kehakiman bertarikh _____ hari bulan _____ 20 _____ dan affidavit sokongannya, yang dimeterai dengan sewajarnya dengan meterai Mahkamah, dengan meninggalkan Saman Pemula Permohonan bagi Perintah Pengurusan Kehakiman itu dan affidavit sokongannya anggota syarikat itu, di _____ (alamat) pada pukul _____ *pagi/petang.

4. Saman Pemula Permohonan bagi Perintah Pengurusan Kehakiman bertarikh _____ hari bulan _____ 20 _____ dan affidavit sokongannya ditandakan 'A'.

Diangkat sumpah di _____
Di dalam Negeri _____
Pada _____ hari bulan _____ 20 _____

(Pemiutang)
Nama pemiutang: _____
No. K.P.: _____
*Alamat pejabat berdaftar
(syarikat)/alamat perniagaan (selain
syarikat): _____

Di hadapan saya

Pesuruhjaya Sumpah

*Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

BORANG 9

[Kaedah 11]

NOTIS PERMOHONAN BAGI PERINTAH PENGURUSAN KEHAKIMAN

(Tajuk seperti dalam tindakan)

1. Notis dengan ini diberikan bahawa suatu permohonan untuk meletakkan syarikat yang dinamakan di atas di bawah pengurusan kehakiman seorang pengurus kehakiman oleh Mahkamah telah difailkan pada _____ hari bulan _____ 20 _____

*(a) oleh syarikat itu menurut suatu ketetapan *anggotanya/lembaga pengarahnya;

*(b) oleh _____ (*nama pemiutang termasuk pemiutang luar jangka atau prospektif*) beralamat di _____ (**alamat pejabat berdaftar (syarikat)/alamat perniagaan (selain syarikat)*).

2. Permohonan tersebut diarahkan supaya didengar di Mahkamah pada pukul _____ *pagi/petang pada _____ hari bulan _____ 20 _____, dan _____ (*nama pengurus kehakiman*) beralamat di _____ (*alamat perniagaan*) telah dinamakan sebagai pengurus kehakiman.

3. Mana-mana orang yang berniat untuk menentang suatu perintah pengurusan kehakiman dibuat di bawah seksyen 405 Akta Syarikat 2016 boleh hadir semasa pendengaran dengan sendiri atau melalui peguamnya untuk tujuan tersebut.

